



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
DOA DAN SOLIDARITI
(KHUTBAH KHAS PALESTIN)



Tarikh Bacaan:
3 OKTOBER 2025M / 11 RABIUL AKHIR 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



DOA DAN SOLIDARITI

(KHUTBAH KHAS PALESTIN)

3 Oktober 2025M/ 11 Rabiul Akhir 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا لَكُمْ لَا تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ
وَالنِّسَاءِ وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَلْ لَنَا
مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾ سورة النساء

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾ سورة آل عمران

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian dan janganlah sibuk dengan apa-apa jua perkara *lagha* yang boleh mengalihkan tumpuan daripada khutbah ini. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: 'Doa dan Solidariti'.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru saudara-saudara sekalian untuk terus bermunajat dan memohon pertolongan kepada Allah SWT agar memberi pertolongan kepada penduduk Gaza dan Palestin yang ditindas teruk oleh rejim zionis Israel. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kita melainkan dengan mengharapkan pertolongan dan kekuatan Allah SWT jua.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Hari ini perhatian kita tertumpu kepada perjuangan kemanusiaan yang sedang berlangsung melalui Misi Sumud Flotilla Global, yang membawa bekalan makanan, ubat-ubatan dan keperluan asas buat saudara-saudara kita di Gaza yang sekian lama dizalimi dengan kepungan haram rejim Zionis. Rakyat Malaysia yang menyertai misi ini kini sedang berhadapan secara langsung dengan tentera Israel di lautan Mediterranean, semata-mata demi satu matlamat mulia iaitu memecahkan kepungan yang menyesakkan rakyat Gaza dan menyampaikan bantuan kemanusiaan. Namun, dunia menyaksikan bagaimana misi ini diganggu, digertak, diancam bahkan difitnah sebagai ancaman keselamatan. Sedangkan hakikatnya, flotilla ini bukan kapal perang, tetapi simbol kesatuan ummah, solidariti sejagat, serta suara hati nurani manusia yang menuntut kebebasan dan menolak kezaliman.

Misi pasukan sukarelawan ini merupakan sebahagian usaha yang terpuji dan tuntutan dalam membantu orang-orang yang tertindas terutamanya di Gaza ketika ini. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisaa' ayat 75:

“Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Gaza kini telah hancur dimusnahkan oleh rejim zionis Israel. Lebih 65,000 jiwa syahid, dan yang paling menyayat hati, 70% daripadanya ialah anak-anak kecil dan wanita yang tidak berdosa. Rejim Zionis terus menyekat segala bentuk bantuan, menyebabkan rakyat Gaza menanggung kelaparan yang dahsyat. Hospital yang sepatutnya menjadi tempat rawatan, masjid yang menjadi rumah ibadah, sekolah yang melahirkan harapan masa depan, serta prasarana awam yang diperlukan rakyat semuanya kini dimusnahkan dengan rakus.

Namun, di tengah kegelapan ini, Misi Sumud Flotilla yang disertai lebih 44 negara digerakkan, demi menyelamatkan dan membela Gaza yang ditindas. Inilah lambang keberanian dan kesatuan hati manusia menentang kezaliman. Penderitaan rakyat Gaza membuka mata penduduk dunia untuk bangkit menentang kekejaman rejim Zionis Israel laknatullah. Kita di Malaysia juga mesti menyahut seruan ini, dengan doa yang tidak putus agar misi mereka diberi kejayaan. Sesungguhnya, inilah tanda kecil sumbangan kita kepada Gaza dan Palestin, bumi perjuangan yang tidak pernah padam dari doa umat Islam seluruh dunia.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Ketahuilah bahawa Palestin bukan sekadar isu politik atau kemanusiaan, bahkan ia isu akidah dan amanah keimanan kita. Justeru, setiap usaha untuk membela Palestin adalah sebahagian daripada ibadah dan tuntutan iman. Rasulullah SAW telah bersabda:

“Perumpamaan orang-orang mukmin dalam kasih sayang, kecintaan dan kelembutan mereka adalah seperti satu tubuh; apabila salah satu anggota sakit, seluruh tubuh akan turut merasakan sakit dengan berjaga malam dan demam”

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Maka apakah kita masih mampu berdiam diri melihat saudara kita di Gaza kelaparan tanpa makanan, kehausan tanpa air, kesakitan tanpa ubat, bahkan dinafikan hak untuk hidup bebas? Apakah kita sanggup melihat anak-anak di Gaza mengutip sisa makanan di atas tanah untuk dijadikan alas perut? Apakah kita sanggup membiarkan misi kemanusiaan yang murni ini digagalkan oleh keangkuhan kuasa zalim Zionis?

Maka dalam menyokong misi kemanusiaan ini, kita dituntut;

Pertama, kita hendaklah menyatakan dengan jelas dan terbuka solidariti bersama Gaza serta memberikan sokongan sepenuhnya kepada Misi Sumud Flotilla Global yang membawa harapan buat mereka yang terzalimi.

Kedua, kita hendaklah menyokong segala usaha Kerajaan dalam misi menuntut pembebasan dan keselamatan peserta misi terutamanya dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita juga menuntut agar jaminan laluan selamat pergi dan balik bagi Sumud Flotilla, supaya bantuan dapat sampai tanpa sebarang sekatan.

Ketiga, hulurkanlah segala yang termampu baik wang ringgit, doa, dan sokongan moral buat para sukarelawan flotilla serta rakyat Gaza yang berjuang mempertahankan maruah mereka.

Dan keempat, didiklah generasi muda kita bahawa membela Palestin bukan sekadar isu kemanusiaan, tetapi sebahagian daripada perjuangan umat Islam yang tidak akan pernah terhenti hingga ke hari kiamat. Sesungguhnya, inilah amanah iman dan bukti cinta kita kepada Masjid al-Aqsa.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Marilah kita satukan hati dan doa, memohon kepada Allah SWT agar melindungi para sukarelawan flotilla, mengurniakan kemenangan kepada rakyat Gaza, dan menghancurkan kezaliman Zionis yang meratah jiwa manusia tanpa belas kasihan. Jangan sekali-kali kita lalai dan leka, kerana apa yang berlaku di Gaza adalah ujian besar yang menyingkap nilai iman seluruh umat Islam. Ingatlah, pembelaan terhadap Palestin, Gaza, dan Masjid al-Aqsa bukan pilihan sampingan, tetapi kewajipan iman yang tidak boleh dipandang remeh.

Justeru mengakhiri khutbah, beberapa pesanan penting kepada semua umat Islam;

Pertama: Teruslah berdoa dan menyokong keselamatan para sukarelawan Misi Sumud Flotilla Global kerana doa kita adalah senjata umat yang beriman dan doa kitalah benteng mereka di lautan.

Kedua: Hulurkanlah infaq dan sumbangan, kerana setiap ringgit yang kita dermakan adalah cahaya kehidupan bagi anak-anak Gaza yang kelaparan.

Ketiga: Sedarkanlah diri kita, keluarga dan masyarakat bahawa Palestin bukan isu

asing. Ia adalah amanah iman dan tanggungjawab kita semua.

Marilah bersatu menolak kezaliman Zionis, teruslah menyebarkan maklumat kebenaran tentang Palestin agar terus membuka mata dunia untuk membela rakyatnya.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah as-Saff ayat 14:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا أَنصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِلْحَوَارِيِّينَ مَنْ أَنصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنصَارُ اللَّهِ فَكَأَنَّمَت طَّائِفَةٌ مِّنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَت طَّائِفَةٌ فَأَيَّدْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا ظَاهِرِينَ ﴿١٤﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?" Mereka menjawab: "Kamilah pembela-pembela (agama) Allah!" (Setelah Nabi Isa tidak berada di antara mereka) maka sepuak dari kaum Bani Israil beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Jawatankuasa Ijtihad dan Fatwa Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia telah mengeluarkan satu fatwa tegas yang mengangkat jihad menentang penjajahan di Gaza sebagai satu kewajipan syar'i ke atas umat Islam; dengan senjata bagi yang berkemampuan dan dengan harta, doa serta tekanan politik bagi yang tidak mampu.

Fatwa tersebut turut menuntut agar negara-negara Islam bersatu, mengepung musuh Zionis dari darat, laut dan udara, serta menghentikan sebarang bentuk normalisasi dan bantuan kepada entiti penjajah. Ia adalah seruan yang lahir dari nur syariah dan panggilan iman kepada kita semua agar tidak berpaling daripada penderitaan umat. Ayuh lanjutkan

jihad itu dengan menyokong perjuangan suci rakyat Palestin. Hurlurkan derma, hebahkan kesedaran dan panjatkan doa, semoga Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menerima segala usaha kecil kita sebagai saham besar di sisi-Nya. Ameen.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةً قُؤُلَاوِ فَيُنْعِجْ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

Ya Allah, ampunilah dosa kami, dosa ibu bapa kami, kaum keluarga kami, serta seluruh umat Islam sama ada yang masih hidup ataupun yang telah kembali kepada-Mu.

Ya Allah, jauhkanlah kami daripada riba, rasuah, penyelewengan dan pengkhianatan serta bersihkan masyarakat kami daripada segala bentuk penindasan dan kezaliman.

Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG